

10/06/2003

Negara Asia Tenggara harus berani mencabar

PUTRAJAYA: Negara Asia Tenggara harus berani mencabar, menyoal serta menilai pemikiran dan cara konvensional bagi membolehkannya menerajui kepimpinan rantau ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebagai contoh, Malaysia yang mewarisi perundangan British sejak 1901 menilai undang-undang lama itu serta merangka formula baru bagi menghadapi pelbagai cabaran masa kini yang sering berubah.

"Kami berterusan mempersoalkan undang-undang, cara pelaksanaan dan konvensyen lalu. Ini membolehkan Malaysia menemui arah baru, termasuk dalam menangani krisis.

"Negara Asia Tenggara perlu berfikir untuk dirinya dan tidak hanya mengikut. Kita perlu mempunyai kejutan sendiri serta berani menghadapi negara besar yang sering memberitahu kita apa yang perlu dilakukan.

"Saya percaya Asia Tenggara boleh membawa perubahan bukan saja untuk rantau ini dan Asia, tetapi seluruh dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis makan malam dan dialog bersama Forum Asia-Inc bertajuk Kepimpinan Untuk Asia Tenggara, di Hotel Shangri-La Putrajaya di sini malam tadi.

Forum dua hari yang akan diadakan di Kuala Lumpur itu dihadiri ketua industri, kerajaan dan politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Brunei, Singapura, Indonesia, Thailand, Malaysia, Hong Kong, Amerika Syarikat dan Australia.

Dr Mahathir juga berkata, kepimpinan bermaksud melakukan sesuatu yang luar biasa daripada kebiasaan.

"Kadang kala anda akan jatuh dari tebing, tetapi anda harus bangun semula dan ini membantu mencapai apa yang anda ingini," katanya.

Beliau berkata, adalah baik pemimpin rantau ini untuk terus mempersoalkan semua perkara, termasuk yang konvensional, yang biasa serta apa yang dilakukan sebelum ini.

Perdana Menteri turut merujuk kepada tindakan Malaysia mempersoalkan saranan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika krisis kewangan melanda Asia dan melaksanakan formula sendiri mengatasinya.

"Kita menilai apa yang diberikan dan merangka formula sendiri walaupun menerima banyak kecaman. Tetapi akhirnya, pihak terbabit mengaku tindakan Malaysia adalah baik," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, konsep Malaysia Inc dilaksanakan dan diberi sokongan oleh kerajaan kerana tahu kejayaan pihak swasta akan membawa hasil kepada kerajaan.

Katanya, ini kerana sebarang keuntungan pihak swasta, sebanyak 28 peratus adalah milik kerajaan yang dikutip menerusi cukai.

"Bagaimanapun, apabila kerajaan bekerjasama dengan sektor swasta, ia dituduh sebagai kronisme dan jika begitu, setiap ahli perniagaan adalah kroni kerajaan.

"Tiada sebab kenapa kita tidak harus bekerjasama dengan sektor swasta. Jika mereka berjaya, kerajaan akan mendapat pulangan," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana Jepun melaksanakan Japan Inc dan berjaya menarik keluar negara itu daripada kemusnahan selepas Perang Dunia Kedua serta berjaya dari segi ekonomi dalam tempoh yang singkat.